

# Penerokaan Awal Kajian Pelaksanaan Food Bank di Negeri Kedah

**BITARA**

Volume 4, Issue 1, 2021: 080-091  
 © The Author(s) 2021  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [A Preliminary Study of Food Bank Implementation in the State of Kedah]

Mat Rahimi Yusof,<sup>1</sup> Alif Nawi,<sup>1</sup> Mohd Yushairi Mat Yusoff,<sup>2</sup> Mohd Azrin Mohd Nasir,<sup>3</sup>  
 Nurliyana Bukhari<sup>1</sup>, & Muhammad Azwan Abd Rahman<sup>4</sup>

### Abstrak

Makanan merupakan sumber asasi kepada manusia untuk kekal cergas dan sihat dalam membentuk keluarga bahagia. Tanpa sumber makanan yang mencukupi sesebuah keluarga akan porak-peranda. Menyedari hakikat tersebut, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) mengambil inisiatif mengadakan program Food Bank bagi membantu golongan yang memerlukan. Kajian penerokaan awal berbentuk kualitatif ini adalah bertujuan untuk meninjau pelaksanaan Food Bank yang telah diimplementasikan di negeri Kedah. Seramai tiga orang pengelola dan empat orang penerima peringkat kariah di dua daerah di negeri Kedah telah ditemubual. Hasil dapatan yang dianalisis secara tematik menggunakan *Atlas.ti* menunjukkan empat tema utama yang kerap ditekankan oleh pengelola dan penerima iaitu aspek pengurusan, ekonomi, pendidikan dan psikologi. Penerima berpuas hati dengan cara pihak pengelola mengendalikan program Food Bank khususnya dalam aspek pemilihan mereka yang layak dan cara pengagihan dilakukan. Majoriti penerima mengucapkan rasa syukur dan terima kasih kerana bantuan Food Bank dapat meringankan beban perbelanjaan yang ditanggung. Secara tidak langsung, pemberian Food Bank dapat mendidik penerima untuk menghargai bantuan yang diberikan. Hal ini sekali gus memberi kesan positif terhadap psikologi penerima tersebut. Walau bagaimanapun, para pengelola mencadangkan agar pihak LZNK dapat memantapkan lagi pengurusan Food Bank melalui pengurusan dokumentasi yang lebih sistematik, pemantauan berkala, dan peningkatan kebijakan pengelola. Kajian awal ini menunjukkan bahawa matlamat program Food Bank ini berjaya memenuhi matlamat hifz al-nafs atau menjaga nyawa dalam Maqasyid Syariah dan sejajar dengan matlamat global sifar kelaparan dalam Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals-SDGs)

### Kata kunci:

Bekalan makanan, Maqasid Syariah, Sustainable Development Goals, Lembaga Zakat Negeri Kedah.

### Abstract

Food is a basic source for human beings to stay fit and healthy to form a happy family. Inadequate food resources could result in a dysfunctional family. Realizing this fact, the Kedah State Zakat Board (LZNK) has taken the initiative to organize a Food Bank program to help the needy. This qualitative study is explorative in nature in which it aims to explore the implementation of Food Bank in the state of Kedah. A total of three Food Bank managers and four recipients at the civil parish level in two districts in the state of Kedah were interviewed. The results were analyzed thematically using

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 UUM Sintok, Kedah, MALAYSIA

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 UUM Sintok, Kedah, MALAYSIA

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar & Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 UUM Sintok, Kedah, MALAYSIA

<sup>4</sup> Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Malaysia, UKM, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA

### Corresponding Author:

MAT RAHIMI YUSOF, Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 UUM Sintok, Kedah, MALAYSIA  
 E-mail: rahimi@gurumalaysia.edu.my

*Atlas.ti*. Four main themes were obtained namely management, economics, education and psychology. Overall, recipients were satisfied with the way the management handled the Food Bank program, especially in terms of the selection of eligible recipients and the way the distribution was conducted. The majority of the recipients expressed their gratitude as the assistance provided has helped ease the burden of the expenses they bear. They felt a sense of relieved and they continued to appreciate the informative lessons learned throughout the program. This has a positive effect on the psychology of the recipient. Nevertheless, the managers suggested that LZNK could further strengthen the management of the program through more systematic documentation management, periodic monitoring, and improving the welfare of the organizers. Such preliminary findings provide important indications that the goals of the Food Bank program by the LZNK are aligned with the goal of hifz al-nafs or life preservation in Maqasyid Syariah (the Goals of Sharia) and in line with one of the global goals in the Sustainable Development Goals (SDGs), i.e., achieving zero hunger.

**Keywords:**

Food Bank, Maqasid Syariah, Sustainable Development Goals, Lembaga Zakat Negeri Kedah.

**Cite This Article:**

Mat Rahimi Yusof, Alif Nawi, Mohd Yushairi Mat Yusoff, Mohd Azrin Mohd Nasir, Nurliyana Bukhari & Muhammad Azwan Abd Rahman. 2021. Penerokaan awal kajian pelaksanaan *food bank* di Negeri Kedah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(1): 080-091.

## Pengenalan

Sumber makanan merupakan satu keperluan asas bagi manusia dalam kehidupan. Pengambilan makanan juga merupakan sumber zat bagi setiap manusia untuk sentiasa kekal sihat, menjamin proses tumbesaran serta menjana tenaga bagi menjalankan aktiviti seharian. Tingkah laku makan dan minum adalah perkara yang tidak boleh diabaikan dalam kehidupan seharian manusia (Aemy & Arieff, 2015). Pengambilan makanan yang teliti dan teratur adalah penting bagi memastikan tubuh badan manusia sentiasa dibekalkan dengan zat dan tenaga yang mencukupi bagi memastikan individu memiliki tubuh badan, jasmani, rohani dan mental yang sihat (Mohd Azlan & Noraziah, 2011). Hal ini seterusnya akan menyumbang kepada pembentukan sebuah keluarga yang stabil dan bahagia.

Dalam konteks sekuriti makanan, kebolehcapaian kepada makanan merupakan perkara asas dalam survival kehidupan seharian. Dalam hal ini, Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) mendefinisikan sekuriti makanan sebagai keupayaan semua penduduk mengakses makanan yang mencukupi bagi menjalani kehidupan yang sejahtera. Hal ini juga selaras dengan salah satu agenda matlamat global yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals-SDGs*) yang mensasarkan sifar kelaparan. Namun, bukan semua orang mampu untuk memperoleh bekalan makanan disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kemiskinan, masalah kesihatan dan perubahan musim. Justeru, adalah menjadi hak dan tanggung jawab setiap individu mempunyai akses kepada bekalan makanan yang mencukupi untuk diri dan keluarga.

Hal ini adalah kerana, apabila keperluan asas ini dipenuhi, maka keperluan yang lain turut akan dicapai dalam diri manusia. Melihat kepada teori hierarki keperluan manusia oleh Maslow (1943), sumber makanan merupakan salah satu keperluan yang paling utama untuk manusia di samping keperluan fisiologi yang lain seperti air, udara dan tempat tinggal. Pada masa ini, keperluan lain tidak akan dicapai dan tidak sama sekali menjadi tumpuan selagi kehendak asas ini tidak dipenuhi. Rajah di bawah menunjukkan hierarki keperluan dalam kehidupan manusia.



Rajah 1: Piramid Hierarki Keperluan Manusia (Maslow, 1943)

Selain daripada keperluan fisiologi, keperluan kepada keselamatan merupakan keperluan yang kedua. Keperluan ketiga pula merupakan keperluan sosial iaitu keperluan kepada memberi dan menerima kasih sayang. Keperluan keempat ialah keperluan kepada penghargaan terhadap diri sendiri dan menerima penghargaan daripada orang lain. Jika keperluan ini dapat dipenuhi, seseorang akan lebih berkeyakinan. Tahap yang kelima ialah keperluan kepada hasrat diri iaitu kesempurnaan diri. Keperluan ini ialah kebolehan menggunakan sepenuhnya potensi diri dan bakat. Teori ini juga turut menyatakan bahawa setiap keperluan ini hanya akan dipenuhi setelah keperluan paling bawah dipenuhi.

Sasaran SDG dan keperluan fisiologi yang ditekankan oleh Maslow (1943) tersebut bertepatan dengan konsep *Maqasid Syariah* yang berlandaskan ajaran Islam. Ia bertujuan memelihara kesejahteraan sangat melalui lima aspek penting iaitu aspek agama, nyawa, keturunan, harta dan akal. Keperluan kepada makanan (Maslow, 1943) merupakan tunjang utama dalam membendung masalah kelaparan. Makanan merupakan sumber asasi kepada manusia untuk kekal cergas dan sihat. Makanan yang mencukupi dan berkhasiat dapat memenuhi matlamat *hifz al-nafs* atau menjaga nyawa yang ditekankan dalam *Maqasid Syariah*. Setiap manusia perlu mendapat mencukupi untuk kesejahteraan diri dan keluarga. Tanpa sumber makanan yang mencukupi sesebuah keluarga akan porak-peranda.

## Pernyataan Masalah

Isu keselamatan makanan biasanya dikaitkan dengan kemiskinan, ketidakcukupan makanan, kelaparan dan kekurangan zat pemakanan. Malah, masalah ini agak serius terutamanya dalam kalangan penduduk di negara membangun dan miskin. Masalah ketidakcukupan makanan ini adalah disebabkan oleh ketiadaan sekuriti makanan yang berpunca daripada akses makanan (FAO, 2009). Mengikut rekod, jumlah pengeluaran makanan dianggarkan mencukupi menjelang tahun 2030 (Norzuraida, 2012). Namun, kemiskinan dan masalah kesihatan antara penyebab sebahagian masyarakat tidak dapat menikmati makanan yang sepatutnya dinikmati seperti keluarga lain.

Menyedari hakikat ini, Van Hengel merupakan individu pertama yang telah menujuhkan Food bank lebih enam abad yang lalu. Beliau merupakan seorang sukarelawan yang bertanggung jawab dalam mengumpul dana untuk membina bilik makanan bagi masyarakat di St. Vincent De Paul (Mary S.T, 2011). Kini, *Food Bank* atau Bank Makanan kini mula mendapat perhatian dari segenap pihak di peringkat nasional atau antarabangsa. Ia telah pun dilaksana secara meluas di negara-negara maju seperti

Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan Singapura (Valerie Tarasuk & Eakin, 2005). Di Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menubuhkan Yayasan Food Bank Malaysia pada tahun 2018 dengan mensasarkan misi *Zero Hunger* dan *Zero Waste* kepada rakyat Malaysia yang mengalami masalah bekalan makanan.

Jika diteliti, kepentingan *Food Bank* bukan hanya berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pengagihan makanan kepada golongan miskin, bahkan ianya merupakan salah satu agenda dunia bagi mencapai SDGs yang menggariskan 17 matlamat ingin dicapai menjelang tahun 2030. Justeru itu, pelbagai usaha dan inisiatif dari pihak kerajaan juga menunjukkan bahawa program *Food Bank* diberi perhatian sewajarnya dalam membantu golongan B40. Malah, kerajaan memperuntukkan sebanyak 3 Juta Ringgit Malaysia untuk memperluas capaian bank makanan, yang mana digerakkan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta bagi memastikan bantuan dapat disampaikan kepada pihak yang memerlukan dengan sebaiknya. Banyak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia yang telah mengambil inisiatif menyalurkan bekalan makanan kepada memereka yang memerlukan seperti melalui Pusat Makan Percuma Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia (Kechara, 2012).

Walaupun masyarakat di Malaysia tidak mengalami masalah kebuluran yang serius seperti di negara dunia ketiga, namun Malaysia masih lagi terdedah kepada faktor ketiadaan sekuriti makanan seperti kemiskinan, bencana alam dan sebagainya. Akan tetapi, bagi meringankan beban yang terkesan dengan ketidakcukupan bekalan makanan, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah mengambil langkah proaktif mengadakan pelaksanaan program *Food Bank* bagi golongan yang memerlukan. Di Kedah, pelaksanaan program *Food Bank* telah pun memasuki tahun ketiga pelaksanaannya. Pada tahun 2018, hanya tiga daerah sahaja yang dipilih dijadikan lokasi pusat bekalan makanan, iaitu Baling, Sik dan Padang Terap sahaja. Kini pada tahun 2019, hampir kesemua masjid di negeri Kedah telah dipilih untuk dijadikan pusat bekalan makanan untuk fakir miskin (Berita Nasional, TV1, 28 Mei 2019). Atas usaha dan inisiatif ini menunjukkan keperihatinan pihak LZNK untuk memenuhi keperluan daruriyyat dalam maqasid syariah dan selaras dengan matlamat SDGs.

Setiap bulan, program ini telah memanfaatkan hampir 17,220 buah keluarga di negeri Kedah dengan anggaran peruntukan sebanyak 11 juta Ringgit Malaysia telah di belanjakan. Hampir setiap masjid yang berada di setiap daerah telah dijadikan pusat bekalan dan penyimpanan makanan untuk program *Food Bank* ini. Imam masjid pula diberikan tanggung jawab untuk menguruskan bekalan makanan tersebut bagi memastikan ahli kariah mencukupi makanan untuk sekeluarga. Pihak LZNK turut juga mengalu-alukan mana-mana syarikat korporat atau individu yang ingin memberi sumbangan bagi tujuan pembukaan Pusat Bekalan Makanan ini untuk tampil sama-sama membantu golongan yang memerlukan.

Menyedari hakikat pelaksanaan *Food Bank* ini masih di peringkat awal dan belum melalui sebarang penilaian keberkesanan, kajian penerokaan awal berbentuk kualitatif ini adalah bertujuan untuk meninjau pelaksanaan *Food Bank* yang telah diimplementasikan di seluruh negeri Kedah. Kajian penerokaan awal ini penting untuk dilaksanakan bagi membantu Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) mengambil inisiatif mengadakan program *Food Bank* yang disediakan untuk golongan yang amat memerlukan.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif sebagai prosedur pengumpulan data kajian awal yang bertujuan untuk meneroka keberkesanan program *Food Bank* oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Secara umumnya, kajian ini melibatkan beberapa fasa iaitu fasa pertama adalah tinjauan awal yang melibatkan temubual bersama pengelola *Food Bank*. Seterusnya, fasa kedua adalah kajian rintis yang melibatkan 34 orang penerima *Food Bank* dalam kariah Changlun, Kedah. Terakhir ialah fasa

ketiga iaitu kajian sebenar yang melibatkan beberapa daerah terpilih di Negeri Kedah. Walau bagaimanapun, dalam kajian tinjauan awal ini ia hanya melibatkan data kualitatif secara temubu bual akan dianalisis dan di bincangkan.

Sebelum proses temubual dijalankan, kumpulan penyelidik telah membuat kunjungan awal ke beberapa rumah pembantu amil bagi menyatakan hasrat dan mendapatkan gambaran awal berkenaan pelaksanaan *Food Bank* dalam qariah mereka. Amil merupakan orang yang diamanahkan untuk mengurus pungutan dan pemberian zakat di sesuatu kawasan. Bagi kajian ini, sebanyak empat orang penerima *Food Bank* dan tiga orang pengelola terlibat dalam kajian. Penerima *Food Bank* merupakan isi rumah yang dikenal pasti oleh komuniti setempat yang layak menerima *Food Bank*. Manakala pengelola pula merupakan agen yang menguruskan agihan bekalan *Food Bank* kepada penerima. Dalam kajian awal ini juga, hanya dua daerah di Kedah sahaja yang dipilih dalam kajian, iaitu Kubang Pasu dan Baling. Pemilihan ini dilakukan berdasarkan kategori pinggir bandar negeri Kedah iaitu Daerah Kubang Pasu dan luar bandar iaitu Daerah Baling.

Temubual ini dijalankan sendiri oleh para penyelidik berpandukan kepada soalan protokol temu bual dan dirakam secara audio. Hasil dapatan kemudiannya dianalisis secara tematik menggunakan perisian Atlas.ti bagi menginterpretasikan makna di sebalik tema yang diperolehi secara mendalam selaras dengan matlamat persoalan kajian. Terdapat empat tema utama yang dapat dihasilkan iaitu pengelola, pengurusan, pendidikan dan psikologi yang akan di bincangkan satu persatu dalam artikel ini.

Perbincangan analisis dibuat dengan memasukkan pengalaman dan pandangan penerima dan pengelola *Food Bank* seperti yang disarankan oleh Yin (2009). Bagi memudahkan pemahaman daripada temubual yang dijalankan, kod-kod di bawah digunakan dalam keseluruhan laporan hasil temu bual yang telah dijalankan terhadap pengelola (PL) dan penerima (PT).

Jadual 1. Kod Keterangan

Kod	Keterangan Kod
PL01	Pengelola Masjid Changkat Setol
PL02	Pengelola masjid Kampung Tradisi
PL03	Masjid Changlun
PL04	Masjid titi Teduri, Baling
PT01	Penerima Masjid Changlun 1
PT02	Penerima Masjid Changlun 2
PT03	Penerima Masjid Changlun 3

Petunjuk: PL= Pengelola, PT= Penerima

Apabila proses temu bual selesai, proses transkripsi pula dilakukan. Perbualan ditukarkan dalam bentuk perkataan atau dokumentasi atau juga disebut sebagai transkrip. Setiap transkrip temu bual dibaca oleh penyelidik berulang kali untuk mendapatkan kefahaman data dan dalam masa yang sama data-data yang tidak berkaitan dengan tujuan kajian dibuang daripada transkrip bagi memastikan ketepatan. Pengkodan juga dilakukan bagi memudahkan penyelidik membuat penganalisisan. Seterusnya analisis tematik induktif mengikut tema utama (Braun & Clarke, 2006) dalam pengurusan *Food Bank* merujuk kepada pengelola dan penerima bekalan makanan tersebut.

Dalam konteks kepercayaan (*Trustworthiness*) pula, kajian kualitatif ini disahkan melalui tiga kriteria, iaitu kredibiliti, kebolehdapatan, dan kesesuaian (Chiovitti & Piran, 2003). Kredibiliti merujuk kepada bagaimana kongruen penerangan tentang fenomena atau penemuan adalah dengan realiti (Chiovitti & Piran, 2003). Seterusnya, bagi menjadikan data kualitatif memperoleh kebolehpercayaan yang tinggi, kaedah triangluasi telah digunakan. Kaedah Tringulasi merupakan salah satu metod yang perlu diberi perhatian oleh penyelidik untuk mengesahkan data kajian (Wiersma, 1991). Dalam kajian


ini, kaedah triangulasi data telah melalui beberapa cara agar data yang diperoleh benar-benar mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Di antara kaedah triangulasi data dalam kajian ini ialah (a) senarai semak pemerhatian bersama pengelola dan penerima, (b) temu bual pengelola serta penerima *Food Bank* dan (c) dokumentasi (rakaman audio/ transkrip temu bual).

Kebolehpercayaan data yang diperoleh daripada temu bual dibuat melalui rujuk silang yang bersistematis terhadap maklumat yang diberikan oleh responden pada barisan yang sama. Dalam hal ini, kebolehpercayaan dicapai apabila terdapat maklumat yang sama diulang beberapa kali dalam satu barisan daripada seorang responden dan penyelidik boleh menggunakan teknik ini semasa proses pengkodan data melalui transkripsi temu bual (Jasmi, 2012).

Sehubungan itu juga, isu etika adalah isu penting yang merupakan sebahagian daripada integriti dalam perancangan penyelidikan, proses pelaksanaan yang tidak dipandang sebagai beban oleh penyelidik (Mertens, 1998). Dalam hal ini, aspek keselamatan dan kerahsiaan responden kajian juga perlu menjadi keutamaan oleh penyelidik. Bagi memastikannya isu ini diberi keutamaan, nama samaran telah digunakan dalam penulisan ini untuk melindungi maklumat responden. Penyelidik juga telah menetapkan syarat bahawa responden juga boleh menarik diri dari kajian ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab.

## Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Secara umumnya, terdapat empat tema besar yang diperoleh dalam kajian ini. Tema yang diperolehi dalam kajian ini merangkumi (a) pengurusan, (b) ekonomi, (c) pendidikan dan (d) psikologi. Keempat-empat tema ini saling berkait di antara satu sama lain dalam menjelaskan keberkesanan ekosistem pelaksanaan program *Food Bank* oleh pihak LZNK. Rajah 2 menunjukkan hubungan antara tema utama, sub-tema dan kod yang telah dibina hasil daripada analisis temu bual bersama-sama dengan pelaksana dan penerima bantuan *Food Bank*.



Rajah 2. Tema dan kod hasil analisis temu bual pelaksanaan program *Food Bank* LZNK

## Pengurusan

Aspek pengurusan merupakan tema utama dan terpenting dalam penilaian keberkesanan pelaksanaan program *Food Bank* oleh pihak LZNK. Pengkaji mendapati bahawa terdapat empat sub-tema berkaitan

aspek pengurusan *Food Bank* ini. Sub-sub tema tersebut adalah seperti berikut, (a) penerima; (b) agihan; (c) keperluan; dan (d) pemantauan.

## Penerima

Bagi sub-tema pengurusan penerima, kajian mendapati bahawa pelaksana program *Food Bank* secara efektif menyediakan profil penerima yang layak untuk menerima bantuan *Food Bank*. Imam dan wakil pelaksana yang dilantik di setiap masjid telah memainkan peranan yang sangat penting dalam mengurus para penerima yang layak untuk menerima bantuan. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan yang dibuat oleh salah seorang wakil pelaksana (PL01). Menurut beliau:

“...Biasanya yang mengurus Tok Imam la, tapi yang bagi bagi semua saya lah...”  
“...Saya ada tanya Tok Imam juga siapa yang patut dan siapa yang layak untuk bagi sebab bukan hak kita kan. Saya tulis nama nama nama, lepasnya saya [pergi] bagi...”

Antara golongan yang sering dipilih untuk dimasukkan ke dalam profil penerima oleh pelaksana *Food Bank* adalah para warga emas, ibu tunggal yang tiada pendapatan, serta fakir miskin di mana kebanyakan daripada mereka juga merupakan asnaf yang layak untuk menerima zakat.

Menurut pelaksana PL02, ramai antara penerima bantuan *Food Bank* ini adalah mereka yang sememangnya terputus bekalan makanan di rumah. Malah, ada di antara penerima yang datang semula ke masjid atau pusat pengagihan bantuan *Food Bank* untuk memohon bekalan tambahan. PL02 menjelaskan “...Kita cari yang mana agak perlu, kita bagi la. Ada juga yang setengah tu, kita bagi tapi dia mai lagi sekali sebab dia putus makanan. Jadi kena bagi juga la...”.

Penerima juga menunjukkan respon positif dengan menzahirkan kata puas hati terhadap penegollan dan pemilihan penerima yang secara adil dan saksama agar kesemua ahli kariah yang layak akan mendapat bantuan yang diperlukan. Hal ini sebagaimana penjelasan yang diberikan oleh salah seorang penerima PT01, iaitu:

“...Bagi saya kalau dia bagi, bagi semua dapat, semua rasa. Macam tiap kali ni dia ja dapat, jadi tak adil la. Jadi Tok Imam buat macam ni bagus lah bagi semua dapat rasa. Sama kena, bagi saya la...bagi semua sama, takda yang bezakan...macam kita pusing-pusing anak kariah...”

## Agihan

Dalam konteks prosedur agihan, dapatkan temubual menunjukkan tiada prosedur khas yang ditetapkan oleh LZNK. Sebaliknya terpulang kepada masjid yang bertanggungjawab dalam menentukan prosedur agihan yang bersesuaian sebagaimana yang dijelaskan oleh PL01.

“....Bukan daripada pejabat zakat tapi semua keputusan daripada tok imam. Kita punya matlamat janji sampai kepada penerima. Yang tu lah..”

Namun ada juga pihak masjid yang menjadikan sistem kupon sebagai prosedur untuk mengagihkan bekalan makanan seperti yang dilakukan di Masjid Kampung Tradisi. Hal ini seperti yang diperkatakan oleh PL02.

“...Bagi Kupon, ada yang wakil wakil. Jadi saya bagi dekat, bilal ka, sebab disini Taman Melati, Batu 13, Kampung Tuk Kassim, Lembah Berinyan, pastu sini macam tu lah. Jadi saya tak boleh la nak pergi semua tempat sebab tak kenal orang nya...”

Berbeza dengan Masjid Titi Teduri, Baling, pengelola akan mengeluarkan surat jemputan untuk penerima sama-sama menunaikan solat berjemaah sebelum agihan bekalan dilakukan. Namun bagi penerima yang uzur pihak masjid akan menghantar bekalan makanan ke rumah penerima berkenaan seperti yang dinyatakan oleh PL04

“...di masjid ni, kita mengeluarkan surat kepada penerima untuk sama-sama datang solat Asar berjemaah. Habis solat tu..kita buat majlis penyampaian...ada sikit tazkirah..gitu la cara kami... hak tak leh mai tu, AJK saya start muto gi hantar di rumah hari tu jugak...”

Dapat dirumuskan daripada dapatan awal ini terdapat tiga prosedur agihan yang dilakukan oleh pengelola iaitu penghantaran secara terus, sistem kupon dan surat jemputan kepada penerima.

## Keperluan

Bagi sub tema keperluan penerima, rata-rata penerima yang di temubual menyatakan program ini dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan dapur mereka: “...Tu lah ringan sikit beban barang dapur...” Mereka juga tidak putus-putus mengucapkan syukur Alhamdulillah kerana membantu golongan yang sangat memerlukan. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh PT05: “...Saya pun macam [itu] jugak la, alhamdulilah...”

Namun, ada juga segelintir penerima yang sangat terdesak kerana terputus bekalan makanan. Dalam hal ini, pihak pengelola mengambil inisiatif memberi bekalan makanan juga kepada mereka seperti yang diperkatakan oleh PL02.“...Ada juga yang setengah tu, kita bagi tapi dia mai lagi sekali sebab dia putus makanan. Jadi kena bagi juga la...”

## Pemantauan

Dalam aspek pemantauan pula, rata-rata pihak pengelola menyatakan bahawa pihak LZNK memberikan sepenuh kepercayaan kepada pihak masjid dalam menguruskan program *Food Bank* ini. Tiada sistem pemantauan yang khusus di laksanakan namun pihak masjid perlu menghantar laporan senarai penerima yang mendapat bantuan kepada pejabat zakat yang berdekatan. Hal ini telah dijelaskan oleh PL03: “...Tiada, pihak masjid yang perlu buat [pemantauan] atas pengurusan masjid. Cuma kena hantar senarai penerima tiga bulan sekali di Jitra. Tapi ada masjid setiap bulan dia hantar...”

Walau bagaimanapun, PL03 turut menyatakan bahawa pihak LZNK sentiasa turun padang dalam memantau dan menyerahkan bantuan kepada para penerima jika dijemput oleh pihak masjid. Meskipun terdapat banyak program yang perlu diselia, pengorbanan para pegawai ini untuk tetap turun padang mendapat penghargaan daripada pihak pengelola seperti yang dapat dilihat dalam kenyataan PL03 berikut: “...Terima Kasih sebab turun padang, terdapat 57 – 60 Masjid yang mereka perlu seliakan. Depa tak mampu dari segi tenaga, masa, untuk turun padang, kecuali ada masjid yang panggil. Depa akan hadir untuk serahan...”

Sebarang usaha dan kaedah dalam penyampaian agihan bantuan kepada para penerima akan dimaklumkan oleh pengelola kepada pihak LZNK bagi memastikan semua bekalan akan sampai ke tangan penerima dengan sebaik-baiknya. Elemen kepercayaan yang utuh antara kedua-dua pihak akan mempastikan aspek pengurusan bantuan food bank ini dapat dijalankan dengan jayanya. Ini dapat

mengelakkan berlaku ketirisan dalam penyampaian bantuan seperti mana yang ditegaskan oleh PL02: "...Tapi gheja saya, bagi saja. Saya minta izin dekat pejabat zakat, biaq saya buat cagha saya. Yang penting benda sampai. SPRM tak yah mai la..."

## **Ekonomi**

Tema kedua dalam melihat keberkesanan ekosistem pelaksanaan program *Food Bank* adalah berkaitan dengan ekonomi. Pengkaji mendapati bahawa majoriti penerima amat bersyukur dan berpuas hati dengan bantuan *Food Bank* kerana merdeka berdepan dengan masalah pendapatan dan harga barang keperluan yang tidak menentu sebagaimana yang dijelaskan oleh penerima PL06 seperti berikut: "...Yang kedua, getah murah. Yang ketiga kawan punya. Kalau dok kata ada 15 hari kita motong, boleh RM100 lebih. Bedak dua dengan tuan dia boleh soghang RM100 lebih. Bila [dapat] RM100 lebih kita beli barang. Barang [pula] tak murah..."

Oleh itu, *Food Bank* daripada pihak LZNK yang sedikit sebanyak telah meringankan beban ekonomi yang ditanggung oleh mereka sekali gus mengelakkan penduduk setempat kelaparan akibat kekurangan atau terputus bekalan makanan. PL06 secara ikhlas menyatakan: "...Motif food bank ni, yang makanan ni daripada CEO tu kan tak bagi oghang lapaq. Tu yang wujudnya food bank tu..."

Penerima mengakui walaupun bantuan makanan berupa gula (1 kilogram), minyak (1 liter), kicap, beras, sos, biskut dan sardin tapi ia sangat bermakna dalam meringankan beban yang mereka tanggung. Malah ada di antara penerima yang memerlukan bantuan *Food Bank* ini hampir pada setiap bulan kerana ketiadaan pendapatan. Hal ini dapat dilihat melalui pernyataan yang dijelaskan oleh pengelola PL02 berikut: "...ada sesetengah yang kita bagi yang tiap tiap bulan pun ada. Kita tengok yang perlu lah. Ada yang sesetengah tu kita selang setiap dua bulan, ada yang selang selang la..."

## **Psikologi**

Dalam melihat ekosistem pelaksanaan program *Food Bank*, antara tema yang penting hasil dapatan temubual awal bersama para pengelola dan penerima adalah berkaitan aspek psikologi. Tema ini dapat dibahagikan kepada dua sub-tema iaitu, emosi dan kebijakan pengelola, dan emosi dan penghargaan penerima. Bagi sub-tema emosi dan kebijakan pengelola, pengkaji mendapati kebanyakan pengelola telah meluahkan perasaan, emosi serta membangkitkan isu berkenaan kebijakan mereka dalam membantu menjayakan pelaksanaan program *Food Bank* ini: "...Tok Imam pon surrender untuk melakukan agihan, hanya saya seorang. Saya harap setiap langkah saya menjadi amal dalam menyalurkan bantuan.. Saya pernah [tanya] jadi apa-apa pada saya tengah jalan, siapa yang tolong? sampai harini depa tak boleh jawab..." (PL03)

Namun, keikhlasan pengelola turut dibalas oleh sesetengah penerima yang sanggup berkongsi bantuan yang diperoleh dengan pengelola sebagai tanda penghargaan atas bantuan dalam menyalurkan sumbangan kepada mereka. Ini dapat dilihat dalam kenyataan oleh PL03 seperti berikut: "...lepas itu ada penerima ni tanya ustaz dapat apa, saya cakap takda apa. Dia ambil sardine dua tiga tin bagi, kata kita pakat-pakat makan sekali. Alhamdulillah, saya kata. Dia dapat lima, dia bagi dua...."

Pengelola mengharapkan agar kebijakan mereka dapat dijaga di samping membantu pihak LZNK. Hal ini adalah kerana peranan mereka amat penting dan kebijakan mereka harus dibela selaras dengan kaedah "keikhlasan tidak menafikan hak" agar dapat memberikan motivasi dan semangat kepada para pengelola yang merupakan tunjang utama dalam melicinkan perjalanan program ini: "...Kami selaku pengelola amir ni lagi terbela lah kot selepas ni. Kita doa bagi semua la..." (PL03)

Daripada perspektif penerima, selain kata syukur dan pujian, mereka mengatakan mereka sekeluarga tidaklah sampai perlu mengikat perut dan menahan kelaparan kerana mendapat hasil bantuan daripada program yang bermanfaat ini seperti yang dijelaskan dalam kenyataan berikut: "...Ni kira tak ikat peghot. Ni kira dapat la ni. Ustad dok mai hantaq ni. Alhamdulillah la tak pernah lagi la tak dapat. Raya ka pa ustاد ni tolong habis. Alhamdulillah la..."

Pengkaji juga mendapati ketika sesi temu bual dijalankan bersama-sama para penerima, emosi dan perasaan mereka sangat gembira dan jelas terpancar di wajah para penerima bantuan. Mereka sangat menghargai usaha murni yang di laksanakan oleh LZNK yang dapat dilihat dalam kenyataan-kenyataan berikut yang disampaikan daripada para penerima di Baling, Kedah:

*"...Saya nak ucapan terima kasih kepada pejabat zakat bagi meringankan beban keluarga saya..."*

*"...Terima Kasih kepada pejabat zakat, kalau boleh bagi bertahun lagi untuk generasi lagi akan datang..."*

## Pendidikan

Aspek pendidikan merupakan tema yang terakhir hasil daripada dapatan awal temu bual yang dijalankan. Selain daripada menyampaikan bantuan secara langsung kepada para penerima, program ini juga secara tidak langsung bertujuan untuk mendidik para penerima dan ahli jemaah yang lain untuk mendekatkan diri dengan masjid dan menyertai segala program pengimaran yang dianjurkan oleh masjid yang berdekatan. Antara aspek yang ditekankan dalam tema pendidikan ini adalah untuk menggalakkan para penerima melaksanakan solat jemaah di masjid. Rata-rata penerima menyambut baik hasrat ini dan mereka dilihat semakin dekat dengan masjid dan menyertai solat jemaah ataupun kuliah yang dianjurkan. Antara maklum balas yang diberikan oleh penerima dapat dilihat dalam kenyataan berikut: "...Ada penerima mai Jemaah ramai-ramai. Alhamdulillah, Kuliah pon ada lepas maghrib. Setiap hari ada..." (PT05)

Walau bagai manapun, terdapat sebilangan kecil daripada penerima yang dilihat tidak mampu untuk mengikuti solat jemaah bersama-sama atau menyertai program yang dianjurkan oleh pihak masjid. Pengelola PL02 contohnya membuat pengakuan seperti berikut: "...Yang tu, depa ni memang berat sikit. Dalam 10 orang, ada setengah yang mai [solat jemaah]. Tapi tak boleh paksa, kadang saya ada bagi tahu ambil lepas solat tapi dia mai jugak tapi lepas solat baru mai ambil...."

Namun, para pengelola tetap optimis melalui bantuan food bank ini, kerja-kerja dakwah akan tetap terus dilaksanakan bagi menarik minat dan mendekatkan ahli kariah dan para penerima khasnya untuk tetap datang ke masjid seperti mana kenyataan daripada PL03, kata beliau:

*"...Cita cita pejabat zakat nak agih di masjid besar dan mulia, tapi takkan haritu ja nak mai sembahyang Jemaah. Saya tak boleh terima orang mai sembahyang sebab mai ambil beras. Kalau ikut pejabat zakat kena ambil di masjid, berjemaah sekali. Saya ada yang saya bagi ni Imam pun tak kenal, masjid pon tak pernah mai. Saya bagi sekadar dakwah, saya minta dekat Pejabat Zakat dengan Tok Imam untuk bagi cara ni..."*

Hal ini turut diperakui oleh PL01 yang menyatakan "...Kalau kita buat [program pengimaran] depa mari. Kalau kita buat mungkin depa mai..." di mana program-program pengimaran masjid hendaklah terus di laksanakan sebagai salah satu daripada elemen pendidikan yang penting bagi mendidik dan mengeratkan silaturahim antara ahli kariah.

## Rumusan

Secara keseluruhan dapatan kajian awal ini menunjukkan bahawa amil atau pembantu amil yang dilantik sebagai pengelola memainkan peranan yang amat penting dalam memilih penerima yang layak dan pengagihan bekalan makanan. Manakala dalam konteks prosedur agihan pula, pihak LZNK tidak meletakkan satu prosedur khusus yang perlu diikuti. Hasil daripada kajian awal ini dapat dirumuskan terdapat tiga prosedur agihan yang dipraktikkan oleh pengelola iaitu penghantaran secara terus, sistem kupon dan surat jemputan kepada penerima. Walau bagaimanapun, dalam konteks pemantauan pihak masjid perlu menghantar laporan bulanan senarai penerima yang mendapat bantuan kepada pejabat zakat yang berdekatan. Justeru, para pengelola mencadangkan agar pihak LZNK dapat memantapkan lagi pengurusan *Food Bank* melalui pengurusan dokumentasi yang lebih sistematik, pemantauan berkala, dan peningkatan kebijakan pengelola itu sendiri.

Reaksi para penerima yang terdiri daripada warga emas, ibu tunggal yang tiada pendapatan, serta fakir miskin rata-rata berpuas hati dengan cara pengurusan yang dilakukan oleh pihak pengelola di pusat-pusat agihan bekalan makanan. Walaupun dalam hambatan kesempitan hidup, penerima *Food Bank* juga turut mencadangkan agar proses pengagihan dapat dilaksanakan secara adil dan saksama agar kesemua ahli kariah yang layak mendapat bantuan yang diperlukan. Penerima juga tidak putus-putus mengucapkan syukur Alhamdulillah kerana membantu golongan yang sangat memerlukan dapat yang sedikit sebanyak meringankan sedikit beban perbelanjaan dapur mereka.

Keperibadian ini melambangkan program *Food Bank* berjaya mendidik mereka tentang perlunya nikmat bersyukur dalam kehidupan seharian. Bukan setakat itu sahaja, malah ada penerima yang sanggup berkongsi sebahagian makanan yang diterima bersama pegelola yang menguruskan agihan tersebut. Secara tidak langsung program ini berjaya meningkatkan emosi dan penghargaan yang positif dapat dilihat dalam kalangan penerima program *Food Bank*. Emosi dan perasaan mereka sangat gembira dan jelas terpancar di wajah mereka ketika melontarkan penghargaan terhadap . usaha murni yang dilaksanakan oleh LZNK ini dan tidak putus-putus mengucapkan ucapan terima kasih kerana usaha ini telah meringankan beban mereka.

Dalam hal ini, program *Food Bank* LZNK boleh dikatakan menepati salah satu konsep Maqasid Syariah yang iaitu konsep *hifz al-nafs* atau menjaga nyawa. Setiap manusia perlu mendapat pemeliharaan dan perkara ini dititikberatkan dalam Islam. Ia juga bertepatan dengan Teori Hierarki Keperluan Manusia (Maslow, 1943) yang meletakkan makanan sebagai salah satu keperluan asas manusia. Selain itu dalam konteks SDG, dapatan awal kajian ini menunjukkan program *Food Bank* berjaya memenuhi matlamat *zero hunger* dalam SDG dalam membantu golongan yang terkesan agar tidak terputus bekalan makanan. Selain itu, dapatan awal kajian ini juga membawa impak yang besar terhadap gagasan idea Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggunaan Yayasan Food Bank Malaysia pada tahun 2018 dengan mensasarkan misi *Zero Hunger* dan *Zero Waste* dalam kalangan rakyat Malaysia.

## Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia dengan rujukan Kod SO: 14534.

## Rujukan

Aemy Liza Minhat dan Arieff Salleh Rosman. 2015. Makanan dan Kesan Pemakanan menurut Perpektif Islam. *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VI 2013 (KAIB VI 2013)*, (January), 59–91.

- Alan Boyd, “Asia is Winning the War Against Hunger”, Asia Times. [http://www.atimes.com/atimes/Asian\\_Economy/EL05Dk01.html](http://www.atimes.com/atimes/Asian_Economy/EL05Dk01.html), 20 April 2011.
- Asmak Ab Rahman (2009), “Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah”. *Jurnal Syariah* 17(2): 300.
- Asmak Ab Rahman (2004), “Pemikiran Ekonomi Islam Dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia. Tesis Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Chiovitti, R. F., & Piran, N. (2003). Rigour and grounded theory research. *Journal of Advanced Nursing*, 44: 427-435.
- Food and Agriculture Organization of The United Nations (1983), *World Food Security: A Reappraisal of The Concepts and Approaches*. Director General’s Report. Rome.
- Food and Agriculture Organization of The United Nations (1998), *The Right To Food In Theory And Practis*. Rome: FAO.
- Food and Agriculture Organization of The United Nations (2009), *The State of Food Insecurity in The World: Economic Crises-Impacts and Lessons Learned*. Rome: FAO.
- Jasmi, K. A. (2012). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012.
- Kechara Soup Kitchen, <http://www.kechara.com/soup-kitchen/>, 5 Mei 2012.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4): 370–396. <https://doi.org/10.1037/h0054346>
- Mohd Azlan Abdullah & Noraziah Ali. 2011. Amalan Pemakanan dalam Kalangan Pelajar Universiti dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran. *Jurnal Personalia Pelajar* 14: 59-68.
- Riches G., (2002), “Food Bank and Food Security: Welfare Reforms, Human Rights and Social Policy. Lessons From Canada?”, *Social Policy and Administration* 36(6): 648-66
- St. Mary FoodBank, <http://www.firstfoodbank.org/history.html>, 1 Ogos 2011.
- Valerie Tarasuk & Joan M. Eakin (2005), “Food Assistance Through “Surplus” Food: Insights From An Ethnographic Study of Food Bank Work”, *Agriculture and Human Values* 22: 176.
- Wiersma, W. 1991. *Research methods in education*. 5th ed. Boston: Allyn & Bacon.